

## **DANA PENERBITAN INISIATIF BELANJAWAN 2023**

### **1. PENGENALAN**

Inisiatif ini dilaksanakan susulan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 menyatakan bahawa “Dewan Bahasa dan Pustaka bersama-sama dengan ITBM serta Yayasan Karyawan diberi mandat mempergiat aktiviti terjemahan dan menjadikannya sebagai bahan bacaan yang disukai ramai.”

### **2. MATLAMAT DANA**

Dana Penerbitan Inisiatif Belanjawan 2023 bertujuan untuk:

- 2.1 Meningkatkan jumlah penerbitan karya terjemahan dan karya agung serta karya terpilih dalam pelbagai bidang ilmu dan untuk pelbagai peringkat pembaca oleh penerbit lain selain DBP, ITBM dan YK.
- 2.2 Membolehkan penerbit lain merancang dan menguruskan penerbitan buku karya terjemahan, karya agung dan karya terpilih dengan menggunakan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

### **3. JENIS KARYA**

Dalam penyaluran dana ini, jenis karya yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- i. Karya terjemahan
- ii. Karya agung
- iii. Karya terpilih dalam pelbagai bidang

### **4. KATEGORI BUKU**

Kategori buku yang diterbitkan adalah seperti yang berikut:

- i. Buku ilmiah
- ii. Buku umum bukan fiksi
- iii. Buku umum fiksi
- iv. Biografi/autobiografi/memoir
- v. Buku remaja bukan fiksi
- vi. Buku remaja fiksi
- vii. Buku kanak-kanak bukan fiksi
- viii. Buku kanak-kanak fiksi

## 5. PEMOHON YANG LAYAK

- 5.1 Penerbit yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- 5.2 Penerbit yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 010102 (bahan bacaan).
- 5.3 Agensi bukan penerbit buku seperti pertubuhan/yayasan/agensi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

## 6. AMAUN PEMBIAYAAN

- 6.1 Pembiayaan akan diberikan kepada penerbit/agensi untuk kerja pencetakan dan pengedaran buku dengan amaun pembiayaan maksimum sebanyak RM50,000.00 bagi setiap judul.
- 6.2 Setiap penerbit/agensi boleh memohon untuk mendapatkan dana penerbitan tidak melebihi tiga (3) judul penerbitan.
- 6.3 Proses kerja pencetakan dan pengedaran buku serta segala tuntutan yang berkaitan dengan dana ini perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada **30 Oktober 2023**.

## 7. PERINGKAT PEMBIAYAAN

Pembiayaan kepada penerbit/agensi dibuat berdasarkan kemajuan projek seperti yang berikut:

BIL.	PERINGKAT	PERATUS (%)
1.	Pencetakan buku	70
2.	Pengedaran buku	30
	<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

## 8. TATACARA KERJA

Tatacara Kerja ini digubal bagi memberikan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh penerbit/agensi sepanjang tempoh pelaksanaan kerja seperti yang berikut:

- i. Penerbit/agensi yang ingin menyertai program ini hendaklah menggunakan borang permohonan yang disediakan oleh DBP.
- ii. Penerbit/agensi hendaklah mengemukakan model kasar/naskhah contoh bersama-sama borang permohonan serta dokumen berkaitan yang disediakan oleh DBP kepada Urus Setia Dana untuk proses penilaian dan kelulusan sebelum **31 Ogos 2023**.
- iii. Model kasar/naskhah contoh akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian, dan selanjutnya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk untuk kelulusan.

- iv. Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.
- v. Penerbit/agensi yang berjaya dalam permohonan akan menandatangani perjanjian dengan DBP.
- vi. Penerbit/agensi akan dibayar sejumlah wang yang ditetapkan untuk setiap judul yang diluluskan oleh Jawatankuasa Induk. Bayaran akan dibuat mengikut tahap kerja seperti yang dipersetujui dalam perjanjian.
- vii. Urus Setia Dana akan bertanggungjawab memantau semua peringkat kerja sebagaimana jadual pembiayaan yang dipersetujui dalam perjanjian.
- viii. Penerbit/agensi akan menguruskan sendiri penerbitan model kasar/naskhah contoh bersih sehingga buku terbit dan diedarkan secara **percuma** kepada penerima sebagaimana jadual penerbitan yang telah dipersetujui dalam perjanjian.
- ix. Penerbit/agensi akan menguruskan bayaran royalti/honorarium kepada penulis, pencetak dan pengedar.
- x. Penerbit/agensi perlu memastikan perjanjian ditandatangani serta dimatikan setem dan memulangkan semula kepada Urus Setia Dana dengan kadar segera.
- xi. Penerbit/agensi yang ditawarkan dana hendaklah mencetak dan menampal pelekat khas pada kulit buku. Pelekat khas akan dibekalkan dalam bentuk salinan lembut oleh Urus Setia Dana.
- xii. Penerbit/agensi hendaklah menyerahkan sepuluh naskhah buku terbit kepada Urus Setia Dana.
- xiii. Keputusan penawaran dana adalah muktamad. Walau bagaimanapun, keputusan penawaran ini tertakluk kepada perubahan dasar kerajaan dari semasa ke semasa.

## **9. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENERBIT/AGENSI**

- 9.1 Mengemukakan permohonan yang lengkap sebelum **31 Ogos 2023** dengan melengkapkan dokumen yang berikut:
  - i. Borang Permohonan.
  - ii. Spesifikasi Buku dan Anggaran Kos.
  - iii. Surat Pengakuan Keaslian Karya dan Kebenaran Menerbitkan Hasil Penulisan oleh Penerbit/Agensi.
  - iv. Borang Cadangan Judul.
  - v. Borang Laporan Penilaian Model Kasar/Naskhah Contoh.
- 9.2 Menandatangani perjanjian dan mematikan setem perjanjian.
- 9.3 Memenuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam perjanjian.

- 9.4 Menyediakan model kasar buku/naskhah contoh untuk diserahkan kepada Urus Setia Dana.
- 9.5 Melakukan pembaikan berdasarkan komen dan cadangan oleh Jawatankuasa Penilai dan menyerahkannya dalam tempoh yang ditetapkan.
- 9.6 Menyediakan laporan pencetakan dan pengedaran buku, dan mengemukakan dokumen yang berkaitan kepada Urus Setia Dana.
- 9.7 Menyerahkan 10 naskhah buku terbit kepada Urus Setia Dana.

## **10. URUS SETIA**

Urus Setia,  
Dana Penerbitan Inisiatif Belanjawan Tahun 2023,  
Aras 9, Menara DBP,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi urus setia:

- i. Encik Shahrin Nizal bin Mohd Nor - No. Tel.: 03-2147 9573/017- 657 3212.
- ii. Encik Wan Mohammad Afifi bin Wan Zainudin - No. Tel.: 03 2147 9580.

E-mel: [DANAIB23@dbp.gov.my](mailto:DANAIB23@dbp.gov.my)

Disediakan oleh:

Urus Setia Dana Penerbitan Inisiatif Belanjawan 2023